

Pegawai tentera juara pancing terbuka UPM



JAPAR SIDIK BUJANG (tengah) menyampaikan hadiah kepada Muhammad Hafizul Ismail (tiga dari kiri) yang muncul juan Pertandingan Memancing Terbuka UPM di Bukit Ekspo, UPM, Serdang, kelmarin. Turut hadir, Pengurus Acara dan Tajaan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd., Muhammad Fauzi Ahmad (dua dari kiri).

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Kali pertama kali menyertai Pertandingan Memancing Terbuka Universiti Putra Malaysia (UPM) membawa tuah kepada seorang pegawai tentera apabila berjaya menaikkan ikan patin seberat 10.5 kilogram sekali gus muncul juara.

Muhammad Hafizzul Ismail, 29, berkata, dia mengambil masa kira-kira 15 minit untuk ‘menumpaskan’ ikan tersebut menggunakan umpan roti dan pelet.

“Ini merupakan kali pertama saya menyertai pertandingan memancing yang menawarkan hadiah begitu lumayan. Saya menganggap rezeki sangat berpihak kepada saya dan keluarga yang turut hadir memberi sokongan.

“Kemenangan ini memberi semangat kepada saya untuk terus menyertai pertandingan memancing ini pada tahun depan,” katanya

ketika ditemui *Utusan Malaysia* di UPM, Serdang dekat sini, semalam.

Kejayaan tersebut membolehinya membawa pulang hadiah utama berupa wang tunai sebanyak RM5,000.

Pertandingan yang disertai kira-kira 700 kaki pancing sempena Pesta Konvokesyen UPM ke-41 itu turut mendapat kerjasama Kumpulan Utusan.

Sementara itu, Pengarah Taman Pertanian UPM, Profesor Dr. Japar Sidik Bujang memberitahu, UPM bersama Kumpulan Utusan sedang merangka satu program bagi mentarikkan pertandingan sedemikian diadakan empat kali setahun bermula tahun hadapan berikutnya sambutan menggalakkan daripada



UPM
UNIVERSITI
PUTRA
MALAYSIA



UTUSAN
MALAYSIA



MENGGETAHUI

Ekspo Pertanian & Pesta Konvokesyen UPM ke-41

3 - 8 NOVEMBER 2013

GELANG PAGI - 30.00 MALAM

BUKIT EKSPON UPM

BERBAGAI & BERBAGI

41

Utusan
Malaysia

www.utusan.com.my

orang ramai. Menurutnya, pengajian program berbentuk riadah itu dapat memberi peluang kepada para peserta untuk menunjukkan kemahiran memancing selain mengeratkan hubungan antara warga UPM dengan masyarakat.

“Selain itu, apa yang menariknya dalam pertandingan kali ini, kami melepaskan sebanyak satu tan ikan daripada pelbagai spesis termasuk rohu, patin, pacu, belida, haruan, tongsan dan lampam.

“Selain itu, hadiah-hadiah lumayan disediakan kepada para pemenang selain juara iaitu masing-masing wang tunai RM2,000 dan RM1,000 bagi tempat kedua dan ketiga,” ujarnya.